



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 36 /2022

SEMANGAT KEJIRANAN DAN PERPADUAN

12 Safar 1444 H

Bersamaan

9 September 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالْإِحْسَانِ بِالْجَارِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Hendaklah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah ialah orang paling bertaqwa.

Mimbar Jumaat pada hari ini, ingin mengajak kita supaya menghayati khutbah yang bertajuk:

“Semangat Kejiranan dan Perpaduan”

Ikhwanul Muslimin,

Kemakmuran sesebuah negara adalah bergantung kepada sejauh mana kemantapan dan keutuhan hubungan setiap lapisan masyarakatnya.

Islam menekankan betapa pentingnya menjalinkan hubungan erat di kalangan masyarakatnya. Suruhan tersebut tidak hanya terhad kepada sesama masyarakat Islam sahaja, malahan melepasi batasan agama, bangsa,

keturunan, warna kulit, bahasa dan sebagainya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 :

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan dan perpaduan, malah ia merupakan salah satu daripada cara hidup Islam. Dalam konteks kejiranan, umat Islam berkewajipan mengekalkan hubungan baik dan mesra sesama mereka. Hubungan baik ini dapat menjana satu kehidupan setempat yang aman dan harmoni. Tuntutan supaya menjalinkan hubungan baik sesama jiran dijelaskan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabdanya :

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّىٰ ظَنَنْتُ إِنَّهُ سَيُورِثُهُ

Maksudnya: “Jibril sentiasa mewasiatkan kepadaku supaya berbuat baik kepada jiran sehinggalah aku merasakan jiran itu boleh menjadi pewarisnya.”

(Hadis Riwayat Al-Bukhori dan Muslim)

Amalan kejiranan dan perpaduan sebenarnya banyak memberi kebaikan dan kelebihan kepada kehidupan masyarakat. Antara lain termasuklah:

Pertama: Bantuan ketika kecemasan

Jiran adalah orang yang paling hampir dengan tempat tinggal kita. Segala perkara yang berlaku ke atas diri, ahli keluarga, harta benda dan sebagainya terlebih dahulu diketahui oleh jiran. Kerana itu, jiranlah orang paling dekat untuk memohon pertolongan pada saat kita ditimpa musibah dan bencana.

Alangkah beruntungnya bagi mereka mempunyai jiran yang bersedia memberikan pertolongan pada bila-bila masa sahaja. Pertolongan seperti inilah yang amat diperlukan pada masa kita ditimpa kecemasan, sementara menunggu bantuan pihak-pihak berwajib atau sanak-saudara yang berada jauh daripada kita.

Kedua: Menambahkan kenalan

Alangkah sejahteranya kehidupan apabila kita mempunyai ramai kenalan jiran yang berkemahiran dalam berbagai bidang. Banyak manfaat dan faedah yang diperolehi hasil daripada ramai jiran dan kenalan yang akrab. Antaranya, secara tidak langsung kita mendapat tunjuk ajar, nasihat, bantuan dan sebagainya.

Ketiga: Membendung jenayah dan gejala sosial

Jiran yang sepakat dan bersatu-padu, mampu membendung jenayah kawasan setempat seperti ancaman kecurian, pecah rumah, ragut, penculikan, samseng dan sebagainya. Gejala-gejala sosial seperti bersekedudukan, keganasan rumah tangga dan banyak lagi dapat dibendung dengan secara muafakat, sama ada melalui rukun tetangga, unit kawalan kampung atau kempen-kempen kesedaran. Dalam masa yang sama, jiran dapat memainkan peranan

untuk melaporkan kepada pihak berwajib apabila menyedari berlakunya perkara-perkara meragukan dalam kejiiran.

Keempat: Menjaga kebajikan penduduk setempat

Jiran yang hidup dalam suasana bekerjasama dan mempunyai ikatan yang akrab, sudah tentu akan mengambil berat di antara satu sama lain. Banyak program dan aktiviti boleh dilaksanakan bagi menjaga kebajikan masyarakat setempat seperti kelas tambahan untuk meningkatkan mutu pembelajaran anak-anak, program untuk memenuhi keperluan remaja seperti kem motivasi, program jati diri dan sebagainya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Semua kebaikan yang dinyatakan tadi ini adalah terletak kepada persepakatan dan persefahaman yang mantap sesama jiran sebagaimana yang dinyatakan didalam firman Allah SWT dalam surah as-Syuraa ayat 38:

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Maksudnya: “Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka.”

Dalam usaha untuk memupuk semangat kejiiran, tidak dapat dinafikan bahawa kita akan berhadapan dengan banyak halangan dan rintangan. Walau bagaimanapun, perkara ini dapat di atasi sekiranya masing-masing mengamalkan dan menghayati sikap berlapang dada, bertolak ansur, saling faham memahami, meningkatkan kesabaran, bertukar-tukar pendapat, bersedia mencari titik persamaan dan mengeratkan hubungan yang renggang dengan penuh hikmah dan mahabbah.

Oleh itu, khatib menyeru marilah sama-sama kita meningkatkan azam dan tekad bagi mengamalkan semangat kejiranan dan perpaduan dalam masyarakat kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ
السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang sombong dan membanggakan diri.

(Surah an-Nisaa' ayat: 36)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ

الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى

السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا

وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ

مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan. Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami, keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.